



## **MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM) CAWANGAN KELANTAN**

---

**PERCUBAAN SPM  
2022**

---

**BAHASA MELAYU  
KERTAS 2**

---

***UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA***

**SKEMA  
PEMARKAHAN**

---

## **MARKAH PENUH : 100 MARKAH**

### **BAHAGIAN A : Sistem dan Aplikasi Bahasa**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : **8** markah

Soalan 2 : **6** markah

Soalan 3 : **11** markah

Soalan 4 : **6** markah

Soalan 5 : **4** markah

#### **Perhatian bagi Soalan 1**

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata adjektif yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata adjektif tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata adjektif digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

#### **Soalan 1 – Morfologi**

- (i) baik
- (ii) muda
- (iii) kecil
- (iv) tua
- (v) bernas
- (vi) indah
- (vii) lembut

**[Maksimum : 8 markah]**

#### **Soalan 2 – Sintaksis**

1. Pemidato yang berasal dari Kelantan itu sangat petah berhujah.
2. Sektor pelancongan dilihat semakin rancak setelah mendapat suntikan dana daripada pihak kerajaan.
3. Pemain bola itu berehat dalam keadaan letih selepas menghabiskan masa berlatih di padang bola.

**[Maksimum : 6 markah]**

### **Soalan 3 – Penyuntingan**

- |                     |                         |
|---------------------|-------------------------|
| (i) pada            | - kepada                |
| (ii) memberikan     | - menyampaikan          |
| (iii) kedua         | - kedua-dua             |
| (iv) Sehubungan itu | - Sehubungan dengan itu |
| (v) mengguris       | - mengores              |
| (vi) bersungguh     | - bersungguh-sungguh    |
| (vii) di dalam      | - dalam                 |
| (viii) shahsiah     | - sahsiah               |
| (ix) dipatuhi       | - mematuhi              |
| (x) jaga            | - menjaga               |
| (xi) dewasa         | - tua / berusia         |

**[Maksimum : 11 markah]**

**Panduan pemarkahan menukar bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4**

Deskripsi	<b>Markah</b>
	<b>6</b>
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5 – 6
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

### **Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard**

Setelah mendengar kata-kata anaknya, ibunya menangis sambil berkata, “Hai anakku, bapamu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu yang bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”

Setelah Kertala Sari mendengar kata ibunya, Kertala Sari terlalu marah, lalu berkata, “Siapakah yang menyuruh membunuh bapaku supaya negeri Majapahit habis aku binasakan.”

**[Maksimum : 6 markah]**

### **Soalan 5 – Peribahasa**

- (i) - usaha tangga kejayaan  
- genggam bara api biar sampai jadi arang
- (ii) – bagai aur dengan tebing  
- berat sama dipikul ringan sama dijinjing

**[Maksimum : 4 markah]**

## **BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada :

- Soalan 6 : **13** markah  
Soalan 7 : **12** markah  
Soalan 8 : **10** markah

### **Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

### **Panduan pemarkahan soalan pemahaman**

#### **1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

#### **2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	2
- Isi <b>tidak</b> cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

#### **3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
- Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	2
- Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

## **Soalan 6**

### **(i) Maksud frasa mampu mendorong**

- |                              |   |
|------------------------------|---|
| - boleh / dapat menggalakkan | 2 |
| - boleh / dapat mendorong    | 1 |
| - mampu menggalakkan         | 1 |

**[Maksimum : 2 markah]**

### **(ii) Langkah**

#### **Bahan 1**

- P1 IPT menjalankan pelbagai program dan usaha untuk mengubah sikap penutur bahasa Melayu  
P2 IPT memperkaya bahasa Melayu  
P3 IPT mengintegrasikan bahasa Melayu pada zaman teknologi maklumat dan komunikasi

#### **Bahan 2**

- P1 pihak sekolah melaksanakan pelbagai aktiviti kebahasaan dan kesusasteraan Melayu  
P2 guru dan pelajar menggunakan bahasa Melayu yang baik semasa sesi pengajaran di sekolah dan diteruskan hingga luar sekolah

**Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**

### **(iii) Kepentingan bahasa Melayu**

- P1 alat perpaduan  
P2 gambaran jati diri bangsa Malaysia  
P3 bahasa komunikasi utama  
P4 bahasa komunikasi masyarakat serumpun  
P5 bahasa rasmi

**(Faktor yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

### **(iv) Cadangan menggunakan bahasa Melayu yang baik dengan betul**

- P1 pihak sekolah mengadakan kempen penggunaan bahasa Melayu yang betul  
P2 menganjurkan Minggu Bahasa Melayu  
P3 mengesyorkan semua pelajar melanggan majalah yang dikeluarkan oleh DBP  
P4 mengadakan lawatan ke DBP / Perpustakaan Negara  
P5 mengundang tokoh-tokoh bahasa untuk menyampaikan ceramah

**(Tindakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

## **Soalan 7**

### **(i) Maksud semakin tohor**

- kian cetek / dangkal
- semakin cetek / dangkal
- kian tohor

2 markah  
1 markah  
1 markah

### **(ii) Kesan pencemaran alam**

#### **Bahan 1**

- P1 ikan terperangkap dan banyak yang mati  
P2 sungai menjadi busuk  
P3 tidak boleh mandi dan menyelam kepala dalam-dalam

#### **Bahan 2**

- P1 kemusnahan terjadi di mana-mana  
P2 kehijauan hutan musnah  
P3 kepupusan flora dan fauna

**Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

**[Maksimum : 3 markah]**  
**[Isi cukup : 2 isi]**

### **(iii) Faktor pencemaran**

- P1 sikap tidak bertanggungjawab individu dan organisasi  
P2 penguatkuasaan undang-undang yang lemah  
P3 dasar atau polisi kerajaan yang lemah  
P4 pembuangan sisa industri dan pertanian yang tidak terkawal  
P5 pembakaran terbuka  
P6 penggunaan sumber tenaga yang tidak boleh diperbaharui

**(Punca yang lain boleh diterima kecuali punca yang terdapat dalam kedua-dua bahan)**

**[Maksimum : 3 markah]**  
**[Isi cukup : 2 isi]**

### **(iv) Cadangan usaha menjaga sungai di negara kita**

- P1 menyediakan pengurusan sisa yang terbaik  
P2 memperkasa pendidikan mengenai penjagaan sungai  
P3 menguatkuasakan undang-undang  
P4 menghijaukan kawasan berhampiran sungai  
P5 memulihara sungai yang tercemar

**(Cadangan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**  
**[Isi cukup : 3 isi]**

## **Soalan 8**

- (i) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Pahlawan-pahlawan Melayu terbilang yang sanggup menggadaikan nyawa demi negara tercinta

- P1 - Datuk Siamang Gagap  
P2 - Datuk Bahaman  
P3 - Mat Kilau  
P4 - Tok Janggut  
P5 - Dol Said  
P6 - Rentap  
P7 - Si Bongkok Tanjung Puteri

**[Maksimum : 4 markah]**  
**[Isi cukup : 3 isi]**

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

### **Panduan Pemarkahan bagi soalan 8 (ii)**

- (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dikaji.  
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
(iii) Beri 1 markah bagi setiap **peristiwa yang menyebabkan pembaca berasa kagum akan watak utama.**  
(iv) Berikan 1 markah bagi setiap **sebab pembaca berasa kagum akan watak utama.**  
(v) Markah isi, maksimum 4 markah.  
(vi) Markah bahasa, maksimum 2 markah.  
(vii) Markah bahasa diberi secara impression.  
    Baik       : 2 markah  
    Lemah      : 1 markah  
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk Bahasa.  
(ix) Calon yang tidak menjawab 0 markah.

- (ii) **Peristiwa yang menyebabkan pembaca berasa kagum akan watak utama.**

a) **Novel Pantai Kasih**

1. **Peristiwa**

Doktor Raiha tetap meneruskan kehidupannya setelah kehilangan anaknya yang tersayang iaitu Rohayu dalam suatu tragedi kebakaran kereta Porsche disebabkan suaminya sendiri iaitu Doktor Sadiz.

**Sebab**

Pembaca kagum akan Doktor Raiha kerana ketabahannya dalam meneruskan kehidupan walaupun telah kematian anak.

**2. Peristiwa**

Doktor Raiha sering membantu Sister Felicia Landosi yang menghadapi kesukaran mendapatkan pengangkutan dengan cara menghantarnya pulang dari tempat kerja sehingga Felicia mempunyai kenderaannya sendiri .

**Sebab**

Pembaca kagum akan Doktor Raiha kerana sentiasa membantu orang yang berada dalam kesusahan dan kesempitan hidup.

**3. Peristiwa**

Doktor Raiha jujur dalam menjalankan tugasnya dengan cara menggunakan sendi tulang pinggul yang bermutu sewaktu pembedahan sendi tulang pinggul kali keenam pesakit yang bernama Unong Siron . Unong Siron telah gagal dalam lima kali pembedahan yang dilakukan oleh Doktor Uwang sebelum ini.

**Sebab**

Pembaca kagum akan Doktor Raiha kerana beliau merupakan seorang doktor yang menjalankan tugas dengan penuh kejujuran.

**4. Peristiwa:**

Doktor Raiha tetap meneruskan kandungannya walaupun didesak oleh suaminya supaya menggugurkan kandungan tersebut kerana menghidap penyakit Sindrome Down.

**Sebab:**

Pembaca kagum akan Doktor Raiha kerana beliau sanggup meneruskan kandungannya walaupun telah mengetahui anak yang bakal dilahirkan itu merupakan OKU (Orang Kelainan Upaya).

**5. Peristiwa:**

Doktor Raiha tetap meneruskan pelajarannya sehingga menjadi doktor pakar bedah walaupun ditegah sekeras-kerasnya oleh ayahnya. Doktor Raiha akhirnya berjaya menjadi seorang doktor pakar bedah yang ternama di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK).

**Sebab:**

Pembaca kagum akan Doktor Raiha kerana tetap pendirian dan meneruskan usahanya sehingga berjaya.

**6. Peristiwa:**

Doktor Raiha berani mempertahankan pendiriannya bahawa pihak yang bersalah menyebabkan kematian anak perempuannya ialah Doktor Sadiz. Sikapnya itu tidak disenangi oleh Doktor Sadiz sehingga kes mereka itu berlarutan dan menjaskannya nama baiknya sendiri.

**Sebab:**

Pembaca kagum akan Doktor Raiha kerana berani menegakkan kebenaran walaupun terpaksa berhadapan dengan pandangan negatif masyarakat.

**7. Peristiwa:**

Doktor Raiha menasihati Felicia Landosi agar tidak melayan ibu Unong Siron dengan kasar. Doktor Raiha mahu Felicia mengambil berat akan kebajikan pesakit dan keluarga mereka.

**Sebab:**

Pembaca kagum akan Doktor Raiha kerana adil dalam melayan pesakit tanpa melihat pangkat dan kedudukan.

**8. Peristiwa:**

Doktor Raiha bijak menangani pemuda kurang siuman yang menyamar sebagai doktor dan menahan Sister Felicia Landosi dalam bilik bedah dengan membenarkan ibu Unong Siron masuk untuk memujuk pemuda tersebut supaya melepaskan Sister Felicia Landosi.

**Sebab:**

Pembaca kagum akan Doktor Raiha kerana bijak dalam menangani setiap permasalahan yang berlaku tanpa diduga di tempat kerja.

**b) Novel Bimasakti Menari**

**1. Peristiwa :**

Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik tabah menghadapi cabaran dan dugaan dalam usaha mereka mewujudkan Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor bagi pencerapan bintang dan menjaga habitat kelip-kelip.

**Sebab :**

Pembaca kagum akan Nurul Hafsa kerana tabah dalam menghadapi cabaran untuk melestarikan alam sekitar.

**2. Peristiwa :**

Nurul Hafsa menyayangi ayahnya kerana dia telah berjanji membina stor bagi memudahkan ayahnya menyimpan peralatan-peralatan berkebun apabila dia mendapat gaji kelak.

**Sebab :**

Pembaca kagum akan Nurul Hafsa yang amat menyayangi ayahnya dan mengambil berat terhadap keperluan ayahnya.

**3. Peristiwa :**

Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik berani membuat pembentangan cadangan untuk melaksanakan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor di hadapan Menteri Besar, ahli akademik, ahli perniagaan dan orang awam di bangunan SUK Shah Alam.

**Sebab :**

Pembaca kagum akan keberanian Nurul Hafsa membuat pembentangan dan memberikan cadangan untuk melaksanakan projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor.

**4. Peristiwa :**

Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik sanggup berkorban masa dan tenaga demi menjayakan rancangan mereka untuk menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap bagi memelihara habitat kelip-kelip dan kawasan pencerapan bintang.

**Sebab :**

Pembaca kagum akan Nurul Hafsa kerana seorang yang sanggup berkorban masa dan tenaganya untuk memastikan alam sekitar tidak tercemar dengan cahaya.

**5. Peristiwa :**

Nurul Hafsa dan Budiman bergegas ke tempat kejadian selepas dihubungi oleh Muhammad Taufik bagi membantunya yang ditimpa kemalangan iaitu dipukul oleh orang upahan Dato' Johan Arlington Majid. Nurul Hafsa dan abangnya telah menghantar Muhammad Taufik ke hospital.

**Sebab:**

Pembaca kagum akan Nurul Hafsa kerana bersikap setia kawan iaitu membantu sahabat yang berada dalam kesusahan.

## **BAHAGIAN C : RUMUSAN**

[30 markah]

### **PERATURAN PEMARKAHAN : BAHAGIAN C**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- (a) Isi - 20 markah  
 (b) Bahasa - 10 markah

- (a) Isi [ 20 markah]

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan  
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
- nama khas
  - perkataan berganda
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Beri markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima					Markah Isi Maksimum
<b>(i) Pendahuluan</b>							<b>2</b>
<b>(ii) Isi Bahan 1</b>							
Fokus 1	3	2	2	1	2	1	
Fokus 2	5	3	2	3	4	4	
<b>(iii) Isi Bahan 2</b>							<b>16</b>
Fokus 1	6	3	4	4	2	3	
<b>JUMLAH ISI</b>	14	8	8	8	8	8	
<b>(iv) Penutup / Kesimpulan</b>							<b>2</b>
	<b>Jumlah Markah</b>						<b>20</b>

## **Pendahuluan [2 markah]**

Rumusan/ Bahan membincangkan **kebaikan/ kelebihan/ kepentingan/ faedah/ manfaat/ kesan positif/ kemaslahatan membenarkan penggunaan telefon bimbit di sekolah dan keburukan/ kesan negatif penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar.**

[2 markah]

Rumusan/ Bahan membincangkan **kebaikan/ kelebihan/ kepentingan/ faedah/ manfaat/ kesan positif/ kemaslahatan membenarkan penggunaan telefon bimbit di sekolah.**

[1 markah]

Rumusan/ Bahan membincangkan **keburukan/ kesan negatif penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar.**

[1 markah]

## **|SI|**

### **Fokus 1 : Kebaikan membenarkan penggunaan telefon bimbit di sekolah**

#### **Bahan 1 (Petikan)**

1. memudahkan pemantauan oleh ibu bapa
2. membolehkan pelajar mengakses maklumat daripada Internet

#### **Bahan 3 (Grafik)**

1. memudahkan komunikasi
2. mendapat rujukan tambahan
3. cara pembelajaran interaktif yang baru

### **Fokus 2 : Keburukan penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar**

#### **Bahan 1 (Petikan)**

1. mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran
2. mewujudkan budaya tunjuk-menunjuk dalam kalangan mereka
3. menambahkan beban guru terutamanya jika berlaku kes curian

#### **Bahan 2 (Petikan)**

1. pelajar berisiko untuk terdedah kepada pengaruh atau anasir yang tidak sihat
2. pelajar akan terdedah dengan masalah kesihatan

#### **Bahan 3**

1. leka dengan permainan dan hiburan
2. menjejaskan kesihatan
3. membazirkan wang

## **KESIMPULAN [2 markah]**

K1 - Kesimpulannya, penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar di sekolah perlu ditangani supaya lahirnya generasi yang cemerlang.

[2 markah]

K2 - Kesimpulannya, penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar di sekolah perlu ditangani.

[1 markah]

## **(b) Bahasa [10 markah]**

Markah bahasa dinilai secara holistik berdasarkan penggunaan bahasa oleh calon dan bukan berdasarkan jumlah isi yang diperoleh. Asas pemberian markah bahasa adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut :

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	8 – 10	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Kesinambungan ayat sangat baik</li><li>▪ Bahasa sangat gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu.</li><li>▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li><li>▪ Pengolahan sangat menarik dan berkesan</li></ul>
BAIK	5 – 7	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Kesinambungan ayat baik</li><li>▪ Bahasa masih gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu.</li><li>▪ Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat</li><li>▪ Pengolahan masih menarik dan berkesan</li></ul>
SEDERHANA	3 – 4	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Kesinambungan ayat kurang baik</li><li>▪ Bahasa kurang gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan Rumi baharu.</li><li>▪ Penggunaan kosa kata kurang luas dan kurang tepat</li><li>▪ Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan</li></ul>
LEMAH	1 – 2	Pada keseluruhannya, penggunaan bahasa tidak memuaskan / pengolahan lemah.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**